

**PERATURAN PENGGUNAAN IPAD / KOMPUTER RIBA (LAPTOP) BAGI
PELAJAR-PELAJAR MRSM TAIPING, PERAK**

1. Peraturan Pemilikan iPad dan Laptop

- 1.1 Setiap pelajar perlu memiliki iPad untuk proses pembelajaran di MRSM Taiping. Pembelian boleh dibuat melalui kopersi MRSM Taiping atau membuat permohonan pinjaman iPad bagi pelajar kurang mampu.
- 1.2 Jika pelajar ingin memiliki laptop peribadi dan ingin menggunakan di maktab **MESTI** membuat permohonan dengan mengisi borang permohonan yang boleh diambil di bilik Ketua Warden.
- 1.3 Setiap pemilikan iPad atau laptop wajib berdaftar dengan Timbalan Pengetua Hal Ehwal Pelajar (TPHEP) yang mengandungi maklumat-maklumat seperti nama pemilik, jenis, jenama dan nombor siri.
- 1.4 Setiap iPad atau laptop yang ingin didaftarkan, perlu mendapat kebenaran secara bertulis (mengisi dan menandatangani borang akujanji) daripada ibu bapa/penjaga.
- 1.5 Bagi laptop yang didaftarkan akan diberikan pelekat khas dan ditampal bagi menandakan peralatan tersebut telah didaftarkan secara rasmi dan disahkan oleh pihak Maktab.
- 1.6 iPad atau laptop yang telah didaftar hendaklah diserahkan/disimpan oleh pelajar sendiri.
- 1.7 Pihak sekolah tidak akan bertanggungjawab terhadap kerosakan atau kehilangan iPad atau laptop para pelajar.
- 1.8 Dilarang menanggal / mengubah / meminda sebarang maklumat pada pelekat khas bagi tujuan pengecaman dan pengesahan pemilikan
- 1.9 Hanya satu iPad dan laptop **SAHAJA** dibenarkan mendaftar bagi setiap pelajar.
- 1.10 Sebarang pemalsuan maklumat pendaftaran adalah **SATU KESALAHAN** dan boleh dikenakan tindakan disiplin
- 1.11 Pihak sekolah berhak merampas iPad atau laptop yang gagal mematuhi peraturan dalam panduan penggunaan laptop/tablet/lpad.

2. Kaedah Penggunaan

- 2.1. Pihak pentadbiran dan warden berhak memeriksa isi kandungan iPad / laptop.
- 2.2. Pelajar boleh mengecas iPad atau laptop di tempat yang disediakan.

3. Penyalagunaan

- 3.1. Perkara yang dilarang: (semasa dalam kawasan sekolah)
 - 3.1.1. Melayari laman web lucah atau berkongsi bahan-bahan lucah dan yang seumpamanya. (kesalahan berat)
 - 3.1.2. Memuat turun atau menonton video dan online game
 - 3.1.3. Menggunakan komputer untuk menyebarkan fitnah yang boleh mengancam dan menjejaskan keselamatan awam
 - 3.1.4. Memuat naik satus, gambar, video atau apa-apa sahaja bahan yang boelh mencemarkan imej individu, maktab atau MARA di media-media sosial.
- 3.2. Sebarang penyalahgunaan akan diambil tindakan tertakluk kepada Buku Peraturan Pengurusan Disiplin Maktab.

4. Kehilangan/Kerosakan/Keselamatan

- 4.1. Pihak maktab TIDAK dipertanggungjawabkan atau/dan dipersalahkan sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kerosakan dan keselamatan iPad/ laptop pelajar. Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap iPad/laptop yang dimiliki.